

Peraturan Asrama Satu Hukuman Atau Mendidik: Tinjauan di Universiti Malaysia Perlis

Hirwan Jasbir Bin Jaafar, Haslina Hassan Basri, Mohd Foad Sakdan, Kartini Alir, Ismail Ibrahim, Wong Yee Shian, Syed Akhmal Syed Jamalil & Sanna Taking
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

ABSTRAK

Keperluan terhadap asrama untuk pelajar-pelajar menginap sepanjang pengajian mereka di sesebuah universiti menjadikan ia suatu kemestian dalam penubuhan sesebuah universiti. Universiti Malaysia Perlis merupakan universiti awam yang ke 17 ditubuhkan di Malaysia dan sehingga kini ia memiliki sebanyak enam buah kolej kediaman yang dapat menampung hampir 13 ribu pelajar ijazah pertama dan pelajar siswazah. Kini setelah hampir 16 tahun ia ditubuhkan, berbagai masalah khususnya di kolej kediaman timbul sejajar dengan dasar universiti yang mewajibkan semua pelajar tinggal di kolej kediaman sepanjang pengajian mereka. Masalah kerosakan harta benda akibat pelanggaran peraturan sehingga menyebabkan kerugian harta dan wang universiti memerlukan satu kaedah terbaik dilaksanakan bagi membendung permasalahan ini. Penguatkuasaan hukuman yang mandatori telah menimbulkan berbagai persepsi dan tanggapan dikalangan pelajar dan ibu bapa. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bagi melihat sejauh manakah keberkesanan penguatkuasaan peraturan dan hukuman yang dilaksanakan dalam mengekang sikap ketidakpatuhan pelajar kepada peraturan, Kaedah kajian sosio perundangan digunakan dan seramai 18 responden telah ditemu bual yang terdiri daripada 12 orang pelajar dan enam orang Penolong Pengurus Asrama. Hasil temu bual mendapati majoriti dari responden merasakan peraturan tatatertib pelajar di asrama amat diperlukan dan ia mampu mendidik pelajar untuk mengubah sikap kepada yang lebih baik. Penurunan kes-kes saman kesalahan tatatertib pelajar dari tahun ke tahun turut menyokong kenyataan bahawa peraturan tatatertib asrama mampu mendidik pelajar agar lebih bertanggungjawab. Berdasarkan hasil kajian ini, adalah dicadangkan agar peraturan-peraturan asrama dikekalkan dan ditambah baik khususnya dari sudut jenis-jenis kesalahan dan hukuman bagi mengikut peradaran zaman. Melalui kewujudan peraturan ini, ia dapat melahirkan generasi masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan menghormati hak orang lain.

Kata Kunci: Peraturan Asrama, Penguatkuasaan & Kesedaran Pelajar.

PENDAHULUAN

Penginapan dalam kampus merupakan salah satu ciri atau aspek kehidupan mahasiswa dan mahasiswi sepanjang tempoh pengajian mereka di universiti. Kolej kediaman pelajar merupakan antara kemudahan yang terpenting bagi sesebuah universiti. Penginapan asrama merangkumi bilik penginapan pelajar, kemudahan tempat makan dan keselamatan pelajar (Mohd Asmadi & Zurina, 2008). Proses pengajaran dan pembelajaran seseorang pelajar universiti bukan hanya tertumpu di dewan kuliah, makmal dan persekitaran akademik semata-mata, tetapi juga persekitaran tempat penginapan dan lain-lain tempat tempat di

dalam sesebuah universiti (Hamdan & Nurul, 2010). Kehidupan di kolej kediaman mampu membentuk pelajar yang berdikari, berakhlak mulia, berilmu dan berketerampilan.

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Universiti Malaysia Perlis (selepas ini disebut UniMAP) dahulunya dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (selepas ini disebut KUKUM) mula beroperasi pada Julai 2001 dan menerima pengambilan pelajar pertama pada 2 Mei 2002. Pada 1 Februari 2007, secara rasminya KUKUM dijenamakan semula dengan nama Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

UniMAP memperkenalkan dasar 100 peratus pelajarinya tinggal di kolej kediaman dan sudah pasti keperluan terhadap kolej kediaman amat penting kepada UniMAP. Bermula dengan sebuah kolej kediaman pada tahun 2002 sehinggalah sekarang tahun 2018, UniMAP sudah memiliki enam buah kolej kediaman. Nama kolej kediaman diberikan berdasarkan nama-nama pemimpin Negara yang pernah menjawat jawatan Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri dan pernah menerima pingat yang membawa gelaran Tun. Pengabdian nama-nama mereka adalah atas jasa dan khidmat bakti yang telah mereka berikan di samping menyedarkan generasi muda tentang pengorbanan pemimpin lalu dalam membangunkan sesebuah Negara. Kolej-kolej kediaman tersebut ialah:

- i. Kolej Kediaman Tunku Abdul
- ii. Kolej Kediaman Tun Abdul Razak
- iii. Kolej Kediaman Tun Hussein Onn
- iv. Kolej Kediaman Tun Mahathir
- v. Kolej Kediaman Tun Abdullah Ahmad Badawi
- vi. Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani

PERMASALAHAN KAJIAN

Setiap pelajar yang bergelar mahasiswa universiti terikat dibawah beberapa undang-undang dan peraturan universiti. Lafaz ikrar dan akujanji mahasiswa yang dilafazkan oleh setiap pelajar semasa minggu suai kenal di setiap universiti, bersetuju untuk akur dan mengikut segala undang-undang dan peraturan yang termaktub kepada mereka sebagai seorang mahasiswa universiti. Mereka juga bersetuju sekiranya mereka gagal mengikut peraturan dan undang-undang tersebut, mereka boleh diambil tindakan tatatertib dan terdapat hukuman-hukuman tertentu yang perlu diterima oleh mereka. Walau bagaimanapun sejauh manakah mereka memahami dan mengikut semua peraturan dan undang-undang yang dilafazkan menjadi suatu tanda tanya. Ini kerana mereka kini tidak lagi dibekalkan buku peraturan semasa mereka mula mendaftar di UniMAP sebaliknya mereka perlu memuat turun sendiri dari portal universiti.

Kolej kediaman bukan sahaja berfungsi sebagai tempat tinggal sahaja, ia turut menjadi tempat berlakunya interaksi, perkembangan kemahiran dan menjadi tempat pembelajaran yang kondusif (Nariza & Yusof, 2010, Hamdan & Nurul, 2010). Atas sebab itu keselesaan dan persekitaran kolej perlu berada dalam keadaan terbaik. Kegagalan pelajar-pelajar mengikut peraturan asas kolej kediaman seperti menjaga peralatan dan kemudahan yang disediakan serta kebersihan bilik dan rumah menyebabkan proses pembelajaran akan terencat.

Peralatan yang rosak dan rumah yang kotor akan mengganggu keselesaan seseorang pelajar untuk belajar.

Di samping itu sikap pentingkan diri sendiri tanpa memikirkan hak orang lain turut menjadi halangan kepada proses pembelajaran berlaku dengan lancar. Kegagalan pelajar mematuhi peraturan-peraturan seperti larangan merokok, larangan pulang lewat selepas jam 12 tengah malam dan lain-lain peraturan menyebabkan mereka terdedah dengan aspek keselamatan dan keharmonian kehidupan seperti kemalangan jalan raya, gangguan emosi kepada teman sebilik atau serumah malah boleh menyebabkan berlaku pergaduhan antara rakan sebilik atau serumah.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan permasalahan kajian tersebut, beberapa persoalan kajian dibina seperti berikut:

1. Adakah pelajar-pelajar mengetahui adanya peraturan-peraturan kolej kediaman?
2. Apakah pandangan pelajar terhadap Peraturan Kolej Kediaman?
3. Apakah perubahan sikap yang berlaku kepada pelajar selepas penguatkuasaan peraturan kolej kediaman dilaksanakan?
4. Apakah keperluan terhadap penambahbaikan peraturan sedia ada?

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan persoalan kajian yang dibina, objektif kajian ini adalah seperti berikut

1. Mengkaji kesedaran pelajar terhadap kewujudan peraturan-peraturan kolej.
2. Mengkaji keperluan pelajar terhadap peraturan kolej kediaman.
3. Mengkaji keberkesanan penguatkuasaan peraturan kolej kediaman ke atas kesedaran pelajar.
4. Mengenalpasti penambahbaikan yang diperlukan terhadap peraturan kolej

KEPENTINGAN KAJIAN

Dapatan dari kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran senario sebenar penerimaan pelajar dan staf pengurusan kolej terhadap peraturan asrama sedia ada. Di samping itu, ia juga dapat membantu pihak Majlis Pengetua, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Pengurusan Universiti untuk menambahbaik peraturan sedia ada dalam memastikan pelajar-pelajar mendapat kemudahan asrama yang selesa dan terbaik. Bagi pelajar-pelajar universiti, diharap hasil kajian ini dapat menjelaskan peranan dan niat sebenar peraturan-peraturan kolej kediaman diperkenalkan dan dikuatkuasakan.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya dijalankan di enam kolej kediaman di UniMAP. Populasi dan sampel dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang menginap dan staf-staf yang bertugas di keenam-enam kolej kediaman tersebut. Hasil kajian ini tidak mewakili populasi di universiti-universiti lain di seluruh Malaysia. Ia disebabkan hasil kajian ini hanya terbatas kepada pelajar-pelajar yang menginap di kolej-kolej kediaman UniMAP sahaja.

KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN DI UNIVERSITI

Sebagai seorang remaja yang sedang berada pada tahap awal dewasa, mereka mudah terpengaruh dengan alam persekitaran. Keinginan untuk mencuba sesuatu yang baru dan mudah untuk terpengaruh dengan hiburan dan dorongan nafsu menyebabkan mereka seringkali tersilap langkah (Mohamad, 2010). Sebagai seorang pelajar universiti, mereka hidup secara berdikari dan bebas bertindak dalam membuat keputusan berkaitan kehidupan mereka. Pengawasan yang sesuai seharusnya diberikan kepada para pelajar sepanjang kehidupan mereka di universiti, tanpa pengawasan yang betul boleh menyebabkan mereka tersilap langkah dan akan merugikan diri mereka sendiri serta keluarga mereka.

Sehubungan dengan itu, satu mekanisma kawalan diperlukan dalam memastikan tindakan yang diambil oleh seseorang pelajar itu berasaskan rasional dan bukannya emosi. Tun Dr. Mahathir (ketika itu Dr. Mahathir) semasa membentangkan AUKU 1971 pindaan 1975 menyatakan sesuatu undang-undang itu tidak diperlukan apabila masyarakat sedar tentang tanggungjawab diri tanpa desakan ataupun paksaan, tetapi apabila masyarakat atau sebahagian darinya tidak mengambil berat tentang tanggungjawab mereka dan tidak mengawal diri, undang-undang mesti digubal bagi memelihara ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat tersebut (Hirwan, 2008).

AKTA UNIVERSITI KOLEJ UNIVERSITI 1971

Akta Universiti Kolej Universiti 1971 merupakan sebuah akta yang digubal bagi melaksanakan dan mengawal tadbir urus sesebuah universiti. Ia mula beroperasi sebaik sahaja ia diwartakan pada 29 April 1971. Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan universiti pertama ditubuhkan dibawah AUKU 1971. AUKU 1971 mengalami pelbagai peristiwa dan cabaran dalam melaksanakan peranannya. Bermula dengan peristiwa demonstrasi Baling sehinggalah berlakunya pelbagai peristiwa yang menggugat kestabilan warga kampus dalam menimba ilmu. AUKU 1971 telah mengalami pindaan pertama pada tahun 1975. Melalui pindaan tersebut, kuasa penuh diberikan kepada universiti untuk mengawal kewujudan pentadbiran persatuan atau kumpulan pelajar dalam universiti disamping mengawal aktiviti persatuan atau kumpulan pelajar yang telah ditubuhkan. Naib Canselor juga diberikan kuasa untuk membubar mana-mana persatuan atau kumpulan pelajar yang dirasakan menggugat kestabilan dan keharmonian universiti. Sejak itu AUKU 1971 mengalami reformasi sehinggalah pindaan sebanyak lima kali berlaku bermula dari tahun 1975, 1983, 1996, 2009 dan terkini dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2012.

AUKU mengandungi 5 bahagian yang melibatkan sebanyak 27 seksyen dan dua jadual. Setiap bahagian menerangkan peranan dan tanggungjawab akta dan warga universiti dalam menguruskan hal ehwal universiti. Bagi isu tatatertib pelajar ianya banyak dibincangkan dalam bahagian ketiga bermula dari seksyen 5 sehinggalah seksyen 18. Segala hal ehwal berkaitan tatatertib pelajar dinyatakan secara jelas dalam seksyen 15 dan seksyen 16. Kewujudan peraturan berkaitan asrama lahir dari seksyen 16 AUKU.

KEWUJUDAN KAEDAH TATATERTIB DI UNIVERSITI

Kolej kediaman diwujudkan bersama dengan kewujudan sesebuah universiti. Berdasarkan kajian Mohd Asmedi & Zurina (2008), masalah disiplin pelajar wujud dan tidak boleh dinafikan

di setiap kolej kediaman. Selaras dengan itu AUKU melalui seksyen 16C(1), 16C(3) dan 16C(4) memperuntukan kewujudan sebuah kaedah tata tertib universiti bagi menguruskan kesalahan-kesalahan tata tertib, perbicaraan tata tertib, hukuman, rayuan dan pelaksanaan hukuman. Sehubungan dengan itu, suatu Kaedah Tata tertib Pelajar diwujudkan di setiap universiti dan bagi Universiti Malaysia Perlis ia dinamakan dengan nama Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Perlis (Tata tertib Pelajar-Pelajar).

Kaedah ini mengandungi tujuh bahagian yang merangkumi Bahagian Permulaan, Bahagian Tata tertib Am, Bahagian Tata tertib Asrama, Bahagian Tata tertib Lalulintas Jalan, Bahagian Tata cara Tata tertib, Bahagian Rayuan dan akhir sekali Bahagian Am. Bahagian Permulaan menjelaskan tentang nama kaedah dan beberapa tafsiran bagi terma-terma yang digunakan di dalam kaedah tersebut. Bahagian utama yang menyatakan jenis-jenis kesalahan tata tertib terkandung di dalam bahagian tata tertib am, tata tertib asrama dan tata tertib lalu lintas jalan. Manakala bagi proses dan prosedur perbicaraan dan hukuman dinyatakan di dalam bahagian tata cara tata tertib. Selepas seseorang pelajar dijatuhkan hukuman, mereka boleh membuat rayuan sebagaimana yang dinyatakan dalam bahagian rayuan. Manakala bahagian am lebih kepada liabiliti jenayah sekiranya pelajar melakukan kesalahan yang dikategorikan sebagai jenayah.

PERATURAN ASRAMA

Kolej kediaman pelajar dianggap sebagai pusat pembinaan insan dalam sistem pendidikan universiti (Mohd Asmedi & Zurina, 2008,). UniMAP sebagai sebuah universiti yang melaksanakan dasar 100 peratus pelajar menginap di asrama sehingga tamat pengajian, sudah tentu berhadapan dengan pelbagai kenehan dan permasalahan dihadapi dalam menguruskan pelajar-pelajar. Justeru itu, peraturan tata tertib asrama amat penting dalam mengawal selia pelajar-pelajar yang menginap di asrama. Kualiti hidup dan keharmonian tempat penginapan pelajar dipengaruhi oleh tahap disiplin mereka (Mohd Asmedi & Zurina, 2008, Norizan Yahya, 2005 & Nor Asiah Mohamad, 2006).

Selain dari kesalahan tata tertib am terdapat juga kesalahan-kesalahan tata tertib di asrama sebagaimana yang dinyatakan dalam bahagian tiga kaedah bermula dari seksyen 28 sehingga seksyen 34. Kesalahan-kesalahan tersebut ialah:

Seksyen 28 – Sekatan tentang memasuki atau berada di dalam bilik pelajar menetap.

Seksyen 29 – Menghalang, pegawai-pegawai, daripada masuk dan menjalankan tugas.

Seksyen 30 – Berada di luar asrama pada waktu malam.

Seksyen 31 – Berada dalam premis asrama selepas tengah malam.

Seksyen 32 – Menggunakan premis asrama dengan cermat dan larangan kacau ganggu.

Seksyen 33 – Bertukar bilik tana kebenaran

Seksyen 34 – Mengosongkan dan pindah tempat tinggal.

Jika diperhalusi kelima-lima seksyen ini, ia pada dasarnya tidak merangkumi semua masalah tata tertib pelajar di asrama, malah kewujudan masalah-masalah baru selaras dengan peredaran zaman turut memerlukan seksyen ini ditambah dari masa kesemasa. Walau bagaimanapun, kewujudan seksyen 35 membuka ruang kepada pengenalan pelbagai kesalahan-kesalahan tata tertib yang tidak dinyatakan dalam kelima-lima seksyen diatas. Melalui seksyen 35 ia menyatakan kuasa Pengetua untuk memberikan perintah dsb, berkenaan dengan ketenteraman dan tata tertib. Ini bermaksud Pengetua memiliki kuasa untuk mewujudkan lebih banyak peraturan baru bagi menangani isu kesalahan tata tertib

pelajar. Malah seksyen ini turut memberikan kuasa kepada Pengetua untuk mendenda pelajar-pelajar secara terus tanpa perlu merujuk kepada Jawatankuasa tatatertib dengan jumlah amaun yang lebih rendah dari kuasa Jawatankuasa Tatatertib Universiti.

Oleh sebab itu, timbul persoalan sama ada hukuman yang dikenakan kepada pelajar itu suatu hukuman atau mendidik. Sebagai sebuah gedung ilmu, sudah pasti universiti merupakan pusat latihan dan mendidik seseorang pelajar. Kaedah dan peraturan tatatertib yang diwujudkan bukanlah semata-mata untuk menghukum tetapi mendidik pelajar agar sedar tentang tanggungjawab dan peranan mereka dalam kehidupan serta kesan sekiranya mereka melakukan kesilapan.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan kajian undang-undang yang melibatkan masalah sosial dan isu-isu termasuk soalan-soalan mengenai masyarakat akan digunakan untuk memenuhi objektif kajian ini (Anwarul Yaqin, 2007). Ini kerana isu-isu berkenaan peraturan dan hak pelajar akan menjadi tumpuan dalam penyelidikan ini. Pendekatan ini digunakan untuk memenuhi penemuan jawapan yang melibatkan masyarakat. Menurut Anwarul Yaqin (2007), penyelidikan undang-undang melibatkan penyelidikan mengenai isu bagaimana perbuatan itu beroperasi dalam masyarakat dengan menggunakan pengumpulan data penyelidikan sains sosial. Oleh itu, pendekatan ini digunakan dalam kajian ini.

Menurut Parahoo (1997), populasi adalah jumlah bilangan unit di mana data boleh dikumpulkan. Data boleh dikumpulkan dari individu, artifak, acara atau organisasi. Kajian ini menumpukan kepada pelajar-pelajar di UniMAP, maka populasi bagi kajian ini adalah Jumlah pelajar yang menginap di keenam-enam kolej kediaman UniMAP. Noraini Idris (2010) menetapkan bahawa untuk mendapatkan sampel yang mewakili populasi, pilihan persampelan yang betul dan responden yang mencukupi diperlukan.

PERBINCANGAN

Kajian ini melibatkan seramai 12 orang pelajar yang terdiri daripada dua orang bagi setiap kolej kediaman yang ada di UniMAP. Enam orang adalah pelajar lelaki dan enam orang pelajar perempuan. Jumlah yang sama dipilih adalah bagi memastikan hasil kajian ini mewakili kedua-dua jenis jantina. Dari sudut peringkat pengajian pula, seramai 10 orang pelajar adalah di peringkat ijazah manakala dua orang diperingkat diploma. Kedua-dua peringkat pengajian perlu dilibatkan kerana dasar universiti yang mewajibkan mereka untuk tinggal di asrama sehingga tamat pengajian. Kesemua pelajar yang terlibat dalam kajian ini dikodkan sebagai S01 hingga S12. Maklumat secara rumusan adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

Selain dari itu seramai enam orang Penolong Pengurus Asrama (selepas ini disebut PPA) turut ditemu bual iaitu seramai 3 orang PPA lelaki dan 3 orang PPA wanita. Setiap kolej kediaman memiliki seorang PPA bagi menguruskan segala hal ehwal keperluan sesebuah kolej kediaman. Kuasa untuk menyaman pelajar adalah dibawah tanggungjawab mereka. Keenam-enam mereka ini telah dikodkan sebagai PPA01 sehingga PPA06. Bagi melihat objektif yang pertama iaitu mengkaji kesedaran pelajar terhadap kewujudan peraturan-peraturan kolej, hasil dapatan mendapati kesemua pelajar yang ditemu bual mengetahui kewujudan peraturan asrama.

Jadual 1. Rumusan hasil dapatan demografi responden

Bil	Kolej Kediaman	Jantina		Peringkat Pengajian	
		L	P	Diloma	Ijazah
1.	Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman	1	1	-	2
2,	Kolej Kediaman Tun Abdul Razak	1	1	1	1
3.	Kolej Kediaman Tun Hussein Onn	1	1	-	2
4.	Kolej Kediaman Tun Mahathir	1	1	1	1
5.	Kolej Kediaman Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi	1	1	-	2
6.	Kolej Kediaman Tan Sri Aishah Ghani	1	1	-	2
JUMLAH		6	6	2	10

Senario ini menunjukkan bahawa semua pelajar mengetahui dan sedar akan kewujudan peraturan asrama. Walau bagaimanapun hanya empat orang yang mengetahui kandungan peraturan asrama sedangkan lapan lagi tidak mengetahui kandungan keseluruhan peraturan kolej kediaman yang sedia ada. Ini bermakna hanya empat orang sahaja yang mengambil inisiatif untuk membaca peraturan asrama di dalam portal UniMAP berbanding lapan orang lagi. Alasan mereka ialah sukar hendak memuat turun dan merasakan peraturan tersebut tidak penting. Contoh yang dapat kita lihat ialah berdasarkan jawapan dari pelajar S05 dan S08;

“Susahlah nak tengok dalam portal...”(S05, 3 Mei)

“Kena muat turun ka peraturan-peraturan tu semua...”(S08, 4 Mei)

Walaupun arahan untuk mencetak atau memuat turun peraturan asrama diberikan semasa minggu suai kenal pelajar, mereka tetap enggan mengambil tahu kerana tiada kesedaran diri dan sikap mengambil ringan terhadap peraturan asrama. Keadaan ini menunjukkan bahawa tanpa mencetak peraturan tersebut telah menyebabkan pelajar tiada kesedaran diri untuk melayari portal bagi mengetahui kandungan peraturan tersebut. Hasil kajian Mohd Asmedi dan Zurina (2008), mereka mendapati jenis kesalahan yang paling tinggi dilakukan oleh pelajar ialah tidak mengikut arahan yang diarahkan oleh pihak pengurusan asrama.

Oleh sebab itu, timbul pelbagai tanggapan dan pertikaian diantara pelajar dan pengurusan asrama apabila mereka diberikan surat saman. Keadaan ini berkemungkinan tidak akan terjadi seandainya peraturan itu dicetak dan diberikan kepada setiap pelajar apabila mereka mula mendaftar diri sebagai pelajar tahun pertama di UniMAP. Pandangan tersebut turut dipersetujui oleh kesemua PPA sebagaimana yang dinyatakan oleh PPA01 dan PPA03;

“Pelajar ni bila kita saman, majoriti akan bertanya apa kesalahan mereka dan peraturan apa mereka disaman...” (PPA01, 5 Mei)

“Pelajar suka pertikai dan kata tak tau peraturan...”(PPA03, 6 Mei)

Secara kesimpulannya pelajar-pelajar menyedari dan mengetahui tentang kewujudan peraturan-peraturan kolej, namun sikap tidak mengambil tahu dan memandang remeh terhadap peraturan tersebut menjadi punca kepada pelanggaran peraturan-peraturan tersebut. UniMAP perlu mengubah dasar dengan menyediakan peraturan asrama secara

bercetak dan diberikan kepada setiap pelajar sebaik sahaja mereka mula menjejak kaki sebagai pelajar UniMAP.

Objektif kajian yang kedua pula ialah mengkaji keperluan pelajar terhadap peraturan kolej kediaman. Kemudahan kolej kediaman bukan semata-mata atas tujuan tempat tinggal sahaja, ia juga merangkumi aspek pengajaran dan pembelajaran dan keselamatan seseorang pelajar itu sendiri. Kesemua pelajar yang ditemu duga menyatakan bahawa peraturan asrama amat-amat diperlukan bagi mengawal tingkah laku pelajar. Sebagai contoh pelajar berkod nombor S9, S10 dan S12 menyatakan;

“Pelajar ni bila tak ada peraturan, enjoy tak ingat dunia la...” (S09, 5 Mei)

“Peraturan perlu ada bagi mengelakkan pelajar tidak menjaga harta benda kolej...”(S10, 6 Mei)

“ Kami rasa selamat bila ada peraturan...” (S12, 6 Mei)

Secara rumusan bagi objektif kedua ini, pelajar-pelajar sememangnya memerlukan peraturan bagi membantu mereka sebagai panduan sepanjang kehidupan mereka di sesebuah universiti. Kesedaran betapa perlunya peraturan kolej kediaman terutamanya bagi memastikan keselamatan harta benda dan diri mereka sendiri menguatkan lagi kepentingan sesuatu peraturan itu sendiri.

Objektif ketiga kajian pula ialah mengkaji keberkesanan penguatkuasaan peraturan kolej kediaman ke atas perubahan sikap pelajar. Bagi melihat sejauh manakah perubahan sikap berlaku dikalangan pelajar selepas penguatkuasaan peraturan asrama dilakukan, statistik jumlah saman dikeluarkan ke atas satu contoh kesalahan tatatertib iaitu kesalahan mengotorkan rumah yang telah dikeluarkan dari tahun 2015 sehingga tahun 2018 dijadikan asas penilaian.

Jadual 2. Jumlah saman kesalahan tatatertib pelajar kolej-kolej kediaman UniMAP

Bil	Kolej Kediaman	Jumlah Saman Kesalahan Kebersihan Rumah			
		2015	2016	2017	2018
1.	Tunku Abdul Rahman	20	10	0	0
2.	Tun Abdul Razak	Belum Diduduki	Belum Diduduki	2	3
3.	Tun Hussein Onn	Baru Duduki	575	20	5
4.	Tun Mahathir	24	590	353	36
5.	Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi	10	5	0	0
6.	Tan Sri Aishah Ghani	Tiada Rekod	Tiada Rekod	395	50
JUMLAH		54	1,180	770	94

Sumber: Majlis Pengetua UniMAP

Berdasarkan jadual 2 diatas, pola penurunan jumlah saman menunjukkan keberkesanan penguatkuasaan yang dilakukan. Jumlah pelajar yang dikenakan denda semakin berkurangan setiap tahun. Jika dilihat pada tahun 2016 sebanyak 1,180 saman dikeluarkan oleh semua kolej kediaman, namun jumlahnya makin berkurangan kepada 770 saman pada tahun 2017 dan pada tahun 2018 hanya sebanyak 94 saman dikeluarkan. Penurunan ini menunjukkan pelajar sudah tahu tanggungjawab mereka untuk menyerahkan rumah kembali dalam keadaan bersih sebagaimana mereka mula-mula menduduki rumah tersebut. Trend tersebut membantu universiti mendidik pelajar agar lebih bertanggung jawab. Penurunan ini turut selari dengan keperluan terhadap peraturan asrama dikekalkan.

Menurut 11 dari 12 orang pelajar yang ditemu bual menyatakan peraturan kolej kediaman diperlukan bagi memastikan pelajar-pelajar sentiasa bertanggungjawab dan peka dengan persekitaran mereka. Manakala bagi PPA, majoriti menyatakan statistik tersebut melegakan pihak pengurusan kolej kediaman di samping membantu meningkatkan tahap keselesaan pelajar.

Seterusnya objektif kajian keempat iaitu mengenalpasti penambahbaikan yang diperlukan terhadap peraturan kolej khusus bagi memastikan pelajar berada dalam keadaan selamat, selesa dan menjaga keharmonian semasa mereka berkongsi tempat tinggal, beberapa cadangan penambahbaikan diajukan dan setiap pelajar perlulah mematuhi peraturan kolej kediaman sedia ada (Hamdan & Nurul, 2010). Cadangan pertama yang perlu dilaksanakan ialah jenis kesalahan perlu ditambah agar menepati keadaan semasa dan zaman. Sebagai contoh kesalahan berkaitan penggunaan telefon terutamanya dari sudut menularkan perkara-perkara yang tidak betuk sehingga mendatangkan aib kepada mana-mana staf atau pelajar lain.

Selain dari itu, cadangan penambahbaikan kedua pula ialah dari sudut jumlah hukuman perlu ditingkatkan berdasarkan peredaran zaman dan peningkatan kualiti hidup seseorang pelajar. Sebagai contoh jumlah nilai dendaan yang dikenakan agak rendah berdasarkan kualiti hidup masyarakat hari ini. Jumlah maksima yang dibenarkan untuk seseorang Pengetua mengenakan hukuman ke atas pelajar hanyalah RM100. Jumlah ini dilihat sudah tidak relevan dengan keadaan ekonomi hari ini dan perlu ditingkatkan. Cadangan terakhir ialah buku peraturan tata tertib turut perlu dibekalkan semasa pelajar mula-mula mendaftar diri ke UniMAP bagi memastikan mereka mengetahui dan memahami peraturan-peraturan yang terdapat di UniMAP.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, peraturan kolej kediaman memainkan peranan utama dalam memastikan keselesaan pelajar menginap di sesebuah kolej kediaman. Ia dapat membantu meningkatkan tahap kesedaran pelajar terhadap tanggungjawab sebagai seorang pelajar serta belajar menghormati hak orang lain. Sesuatu undang-undang atau peraturan yang dibuat adalah untuk mengawal dan memastikan kehidupan seseorang manusia berjalan dengan lancar tanpa menyakiti dan menganiaya orang lain. Melalui penguatkuasaan yang berterusan, ia mampu menjadikan sesebuah kolej kediaman sebagai sebuah tempat tinggal yang selesa malah membantu melancarkan proses pembelajaran akademik seseorang pelajar.

RUJUKAN

- Ahmad Nasrul Hakim Bin Mamat @ Ariffin & Mohd Anuar B. Abdul Rahman. Kesan Persekitaran Utm Terhadap Pembangunan Rohani Pelajar Pendidikan Teknik Dan Kejuruteraan (PTK) Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
http://eprints.utm.my/id/eprint/10431/1/KESAN_PERSEKITARAN_UTM_TERHADAP_PEMBANGUNAN_ROHANI_PELAJAR_PENDIDIKAN_TEKNIK_DAN_KEJURUTERAAN.pdf
- Christina Andin @ Nur Qistina Binti Abdullah & Irwan Bin Hassim. 2010. Kajian Tentang Masalah Yang Dihadapi Oleh Pelajar-Pelajar Yang Menginap Di Kolej 17 Utm Skudai, Johor Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysi
<https://core.ac.uk/download/pdf/11786176.pdf>

- Hamdan Bin Said & Nurul Asykin Binti Md Nor. 2008. Kepuasan Mahasiswi Terhadap Kualiti Kehidupan Di Kolej Datin Seri Endon (Kdse) Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru <https://core.ac.uk/download/pdf/11786392.pdf>
- Hirwan Jasbir Bin Jaafar. 2008. AUKU 1971 Dan Mahasiswa. Kemahiran Pembelajaran Di Persekitaran Kampus Teragih. Penerbit Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Perlis.
- Hamdan Bin Said & Norma Suzila Binti Ahmad. 2010. Kepuasan Mahasiswi Terhadap Kualiti Kehidupan Di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. https://www.researchgate.net/publication/46212083_Kepuasan_Mahasiswi_Terhadap_Kualiti_Kehidupan_Di_Kolej_Kediaman_Tun_Fatimah_Universiti_Teknologi_Malaysia_Skudai_Johor
- Jamaludin Mohd Yatim, Azmahani Abd Aziz, Mohd Hidayat Jamal dan Muzaffar Zainal Abideen. 2008. Gaya Hidup Pelajar Cemerlang dalam Persekitaran Kampus Baharin Mesir, Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM Skudai, Johor file:///C:/Users/MSI%20CR61/Downloads/PPC_Gayahiduppelajarcemerlangdalam.pdf
- Mazura Anuar, Fairus Muhamad Darus & Syed Yusainee Syed Yahya. 2006. Memperkasakan Modal Insan: Peranan dan Cabaran Kolej Kediaman di Univesiti Teknologi MARA, Shah Alam International Education Centre (INTEC) Universiti Teknologi MARA, https://www.researchgate.net/profile/Fairus_Muhamad_darus/publication/237711626_Memperkasakan_Modal_Insan_Peranan_dan_Cabaran_Kolej_Kediaman_di_Univ_esiti_Teknologi_MARA_Shah_Alam/links/0046353ab94be9f4cf000000/Memperkasakan-Modal-Insan-Peranan-dan-Cabaran-Kolej-Kediaman-di-Univesiti-Teknologi-MARA-Shah-Alam.pdf
- Mohd Anuar Abdul Rahman & Noor Safrina Othman. 2009. Kesan Persekitaran UTM Dalam Membangunkan Aspek Sosial Pelajar Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. <https://core.ac.uk/download/pdf/11785958.pdf>
- Mohd Asmedi Bin Yaacob & Zurina Bt. Yasak. 2008. Pengaruh Penginapan ke Atas Disiplin Pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan. Universiti Teknologi Malaysia pada 22-23 Oktober 2008.
- Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah, Zuber Mohamed, Mohammad Ezral Baharudin, Norharnila Rusli & Nur Fadzliah Othman. 2008. Kolej Kediaman Ku Rumah Ku. Kemahiran Pembelajaran Di Persekitaran Kampus Teragih. Penerbit Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia Perlis.
- Nariza Binti Mat & Yusof Boon. Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Pengurusan Asrama di Kolej 9, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor <https://core.ac.uk/download/pdf/11790078.pdf>
- Nor Asiah Mohamad. 2006. Merealisasikan Keharmonian Institusi Pendidikan Melalui Pemantapan Disiplin. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Penerbit UIAM.
- Norizan Yahaya. 2005. Ke Arah Kecemerlangan: Peranan Tempat Kediaman untuk Peningkatan Kualiti Hidup Pelajar. Prosiding Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK)
- Nurul Hidayati Binti Hamid. Cabaran Pelajar Antarabangsa Di Kolej Kediaman UTHM. Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal dan Vokasional http://eprints.uthm.edu.my/4197/1/NURUL_HIDAYATI_BINTI_HAMID.pdf